



KEDAH AMAN MAKMOR * BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI

BEND20140106-KB0039
 7 Januari 2014

PEKELILING BENDAHARI BIL.4/2014

Semua Penolong Naib Canselor/Pengarah/Ketua Jabatan
 Universiti Utara Malaysia

Yg.Berbahagia Datuk/Prof./Tuan/Puan

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN UUM

1. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2014 mengenai garis panduan perbelanjaan berhemah bagi mengurang perbelanjaan awam bertarikh 2 Januari 2014.
2. Langkah-langkah perjimatan yang ditetapkan adalah seperti berikut :
 - (a) Imbuan Tetap Keraian

Mengurangkan Imbuan Tetap Keraian bagi gred jawatan dan kadar seperti berikut :

Gred Jawatan	Jumlah Imbuan Bulanan (RM)	Kadar Pengurangan %	Amaun Pengurangan (RM)
Jusa C/Khas C	2,500	5	125
Jusa B/Khas B	3,050	6	183
Jusa A/Khas A	4,000	8	320

- (b) Kemudahan Bayaran Tol

Kemudahan bayaran tol bulanan bagi Jusa/Khas C hingga A dikurangkan sebanyak RM50.

.....2/-

(c) Kelayakan Tiket Kapal terbang

Kelas kelayakan tiket kapal terbang adalah seperti berikut :

i. Penerbangan Domestik

<u>Gred Jawatan</u>	<u>Kelas</u>
Jusa/Khas B dan Ke Atas Jusa/Khas C dan Ke Bawah	Perniagaan Ekonomi

ii. Penerbangan Antarabangsa

<u>Gred Jawatan</u>	<u>Kelas</u>
Jusa/Khas A dan Ke Atas Jusa/Khas B dan C Gred 54 dan Ke Bawah	Satu Perniagaan Ekonomi

(d) Kekerapan Perjalanan Ke Luar Negara

Perjalanan ke luar negara untuk tugas rasmi untuk Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor dihadkan kepada empat (4) kali setahun.

(e) Penjimatan Kos Utiliti (Listrik, Air dan Komunikasi) Sebanyak 5%

Penggunaan listrik dan air hendaklah dijimatkan dengan mengambil langkah berikut :

- i. Menutup lampu, alat pendingin hawa di luar waktu pejabat atau semasa ketiadaan di dalam bilik termasuk ruang pejabat dan bilik-bilik kuliah.
- ii. Memastikan semua paip air ditutup bila tidak digunakan.

(f) Pengubahsuaian Ruang Pejabat

Semua permohonan baru pengubahsuaian ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali menyiapkan kerja ubahsuai yang telah diluluskan sebelum ini.

(g) Sewaan Ruang Pejabat

Semua cadangan untuk menyewa pejabat baru/tambahan sewa ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Kementerian Kewangan. Ini tidak terpakai kepada perjanjian penyewaan yang masih berkuatkuasa.

(h) Perlantikan Perunding

Perlantikan Perunding untuk projek fizikal termasuk menjalankan kajian 'feasibility' dan perunding pengurusan hendaklah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN).

(i) Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara

Penggunaan syarikat pengurusan acara untuk menguruskan majlis rasmi hendaklah dikurangkan.

(j) Pemberian Saguhati dan Cenderamata

Pemberian saguhati dan cenderamata semasa persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/retreat/majlis rasmi Universiti hendaklah dikurangkan. Pemberian saguhati dan cenderamata untuk acara Universiti hanya dibenarkan kepada tetamu luar sahaja.

(k) Makanan dan Minuman

Penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel dan majlis rasmi Universiti hendaklah dikurangkan dengan kadar yang berpatutan.

(l) Penyediaan Kain Pemedang ('Bunting' dan 'Banner')

Penyediaan kain pemedang hendaklah dikurangkan bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel dan majlis rasmi Universiti.

(m) Strategi Lautan Biru Kebangsaan

Universiti hendaklah mengoptimum penggunaan kemudahan Pusat Latihan 1Malaysia dan kemudahan di Institut Latihan milik Kerajaan bagi menganjurkan persidangan/seminar/pameran/kursus dan bengkel.

3. Tarikh Kuatkuasa

Peraturan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Pekeliling ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


(HJ AMRON BIN MAN)
Bendahari

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Ketua-Ketua Unit, Jabatan Bendahari

Edaran